



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Gembleng usaha kekang jenayah siber
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 12 November 2019

Language: Malay
Section: Agama
Page: 50

Gembleng usaha kekang jenayah siber

Baru-baru ini kita dikejutkan berita seorang pesara di Kuala Terengganu berputih mata apabila wang simpanannya berjumlah RM152,500 lesap akibat terpedaya dengan sindiket Macau Scam.

Di Kepala Batas, Pulau Pinang pula, seorang pesara guru sanggup menyerahkan semua wang simpanannya RM72,500 demi membersihkan nama daripada 'rekod' dadah dan pengubahan wang haram akibat ditipu sindiket sama. Ini sebahagian kecil daripada kes penipuan sindiket dilaporkan. Apa yang kita lihat, kebanyakan mangsa menjadi terlalu takut dan panik menerima panggilan daripada sindiket, seterusnya menuruti semua kehendak mereka.

Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) bimbang taktik licik sindiket Macau Scam yang menggunakan pelbagai kaedah baharu serta peranti terkini bagi memperdaya mangsa.

Bank Negara Malaysia melaporkan lebih 50 peratus kes 'keldai akaun' membabitkan pelajar, khususnya penuntut institusi pengajian tinggi menjadi mangsa apabila akaun mereka digunakan pihak ketiga bagi transaksi jenayah siber.

Kebanyakannya tidak sedar



Keratan akhbar BH 29 Oktober lalu.

akaun mereka dimanipulasi bagi pemindahan wang jenayah untuk sindiket penipuan komersial.

Dalam kebanyakan kes, mangsa 'menumpangkan' akaun bank bagi membantu kenalan dan orang lain tanpa memikirkan risiko sehingga menjerat diri. Ada yang gelap mata dengan tawaran upah mencecah ribuan ringgit.

Justeru, jangan sesekali serahkan maklumat peribadi kepada pihak ketiga kerana ia berisiko digunakan bagi tujuan kegiatan jenayah. Persepsi sekadar menumpang akaun ini sebenarnya

menjerat pemilik akaun itu sendiri. Apabila ditahan, mereka yang akan didakwa walaupun tidak melakukan jenayah.

Dianggarkan kerugian dilaporkan akibat jenayah siber mencecah RM309.67 juta bagi tempoh Januari hingga Julai tahun ini.

Justeru, MCPF percaya program kesedaran kepada masyarakat perlu ditingkatkan supaya kes tidak berulang.

Menyadari ancaman dan jenayah siber semakin berleluasa, usaha perlu digembleng bagi meningkatkan kesedaran penggunaan internet secara positif dan be-

retika. Antara inisiatif MCPF adalah melalui penerbitan Buku Panduan AWASpada (Awat Media Sosial dan Permainan Dalam Talian).

Ia bertujuan menyedarkan masyarakat terutama pelajar dan remaja bahawa kita perlu bersikap awas terhadap penggunaan media sosial dan permainan dalam talian.

Dengan mempunyai pemahaman betul mengenai tatacara melayari dan menggunakan media sosial dan permainan dalam talian, saya percaya ia membantu mengelakkan kita daripada melakukan jenayah siber atau menjadi mangsa.

Agensi awam atau swasta, terutama syarikat telekomunikasi, individu atau korporat disaran tampil bekerjasama dan mengembleng tenaga serta kepakaran bagi menyokong usaha memberi kesedaran dan pengetahuan terhadap isu jenayah siber.

Mari kita berusaha membina kesejahteraan siber dan menerapkan konsep kewarganegaraan digital dengan menjadi pengguna internet bermoral, beretika serta berintegriti.

Tan Sri Lee Lam Thye,
Naib Pengerusi Kanan MCPF